

24/05/2001

Ketua cawangan Pemuda, Wanita diminta bersabar

KUANTAN, Rabu - Naib Ketua Umno bahagian Kuantan, Datuk Faisal Abdullah merayu semua ketua cawangan, ketua pemuda dan wanita cawangan bersabar menunggu keputusan Lembaga Disiplin Umno berhubung dakwaan politik wang di bahagian berkenaan.

Beliau berkata, apa yang penting ialah menjalankan tanggungjawab masing-masing seperti biasa, terutama mendaftar ahli baru selaras kempen pendaftaran pemilih oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sekarang.

"Bagi saya, tidak mempunyai masalah dan bersedia menerima sebarang keputusan selain berharap keputusan nanti memberi kepuasan kepada semua pihak, termasuk Lembaga Disiplin sendiri," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau memanggil sidang akhbar berkenaan bagi memberi penjelasan mengenai kedudukan politik Umno di bahagian Kuantan, berikutan dakwaan politik wang oleh Ketua Bahagian itu, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Difahamkan Faisal akan dipanggil Lembaga Disiplin untuk membela diri di Kuala Lumpur, Sabtu ini.

Pada 31 Mac lalu, Presiden Parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan jawatankuasa khas sementara bagi menyiasat semua dakwaan Fauzi mengenai politik wang di bahagian berkenaan.

Sehari sebelum itu, Fauzi menyerahkan surat peletakan jawatannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Mesyuarat perwakilan Umno bahagian itu turut ditangguhkan sehingga hasil siasatan dakwaan itu diumumkan.

(END)